

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS IFTAR BERSAMA  
TYT TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB  
CANSOLOR UTeM**

**02 Julai 2015 bersamaan 15 Ramadhan 1436H, 6.30 petang  
Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 753 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

1. Sempena petang yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengucapkan setinggi –tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM hadir ke majlis iftar di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun untuk hadir pada majlis ini, sesungguhnya amat bermakna buat semua warga UTeM. Sesungguhnya keprihatinan yang ditunjukkan oleh Tuan Yang Terutama Tun terhadap perkembangan serta menambah meriahkan lagi setiap program Universiti, seterusnya menyemarakkan lagi keazaman seluruh warga untuk terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.

3. Seterusnya saya memohon keizinan daripada Tuan Yang Terutama Tun untuk berucap kepada hadirin sekalian.

#### **A) SALUTASI**

**1. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr Johari bin Mat,**  
Pro Canselor UTeM

**2. Y.Bhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh,**  
Pro Canselor UTeM

- 3. Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md Yunos bin Husin**  
EXCO Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi,  
Teknologi Hijau dan Inovasi mewakili Ketua Menteri Melaka
- 4. Yang Berhormat Datuk Haji Naim bin Abu Bakar**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka **dan isteri**
- 5. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin**, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan isteri
6. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan isteri

7. Dif-Dif Kehormat, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor
8. Ketua-Ketua Biro Media dan Rakan Media Negeri Melaka
9. Pegawai-pegawai Kanan Universiti
10. Wakil-wakil Jabatan dan Kesatuan
11. Majlis Perwakilan Pelajar
12. Warga UTeM seterusnya para penerima sumbangan yang diraikan di Majlis Iftar pada hari yang barakah ini.

## **B) PEMBUKA KATA**

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan besar kekasih yang tercinta Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan sahabat baginda. Mari kita merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang mengizinkan kita di malam ke 16 Ramadhan, dalam Majlis Iftar bersama T.Y.T Tun Canselor.
2. Kesudian semua Dif-dif kehormat serta tetamu jemputan hadir bersama sudah pasti menguntum bahagia serta menambah seri majlis iftar ini, di bulan Ramadhan yang penuh barakah, bulan istimewa yang digandakan pahala, satu madrasah khas

untuk pembersihan diri, peningkatan iman dan perolehan taqwa.

3. Sesungguhnya, majlis yang saban tahun ini direncanakan khusus untuk meraikan sambutan Ramadhan Al-Mubarak yang mulia di samping mengeratkan perhubungan silaturahim antara sesama kita sebagai umat Islam, selain memberi peluang kepada warga universiti untuk berhimpun, berbuka bersama seterusnya beribadah secara berjemaah di dalam masjid yang serba suci dan indah ini.



T.Y.T Tun, Hadirin hadirat yang dirahmati sekalian,

4. Ramadan Al-Mubarak kini kembali memberkati kehidupan kita semua. Ianya merupakan satu bulan yang mana Allah S.W.T telah memberi pelbagai kelebihan dari segi ibadat kepada umat Islam. Rasulullah S.A.W telah menjelaskan tentang kelebihan Ramadan melalui sabdanya yang bermaksud:

***“Barang siapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan berihhtisab, maka akan diampunkan dosa-dosa yang telah lalu.” (riwayat Bukhari dan Muslim)***

Oleh yang demikian, setiap hari di bulan Ramadan adalah peluang keemasan kepada sekalian umat Islam memperoleh kerahmatan yang dijanjikan oleh Allah S.W.T dalam bulan yang mulia ini.

5. Selain daripada difardukan berpuasa, bulan Ramadhan juga merupakan bulan yang diturunkan al-Quran dari Loh Mahfuz ke Baitul Izah di Langit Dunia dan juga turunnya ayat pertama daripada surah Al-Alaq kepada Nabi Muhammad S.A.W., melalui Malaikat Jibril Alaihis Salam. Peristiwa penurunan wahyu pertama Allah SWT ini atau lebih kita kenali sebagai Nuzul Quran berlaku pada 17 Ramadhan setiap tahun, yang bakal kita sambut 2 hari lagi.

6. Berdasarkan kepada kelebihan Ramadhan, maka pada setiap tahun kehadirannya, pelbagai aktiviti dianjurkan di peringkat universiti bagi menghidupkan bulan yang mulia ini. Acara tahunan ini sememangnya telah diteruskan dengan pelbagai aktiviti mengimarah masjid yang diterajui oleh Pusat Islam bersama Fakulti, Pusat dan Pejabat Pentadbiran. Antara program yang dianjurkan adalah penggiliran memasak bubur lambuk, Majlis Iftar Jama'i peringkat Pusat Tanggungjawab, program tazkirah di masjid, aktiviti bertadarus, i'tikaf dan Qiamullail terus dilaksanakan bagi mengimarahkan lagi bulan Ramadhan yang mulia ini. Diharapkan, menerusi program sebegini akan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan, memperkukuhkan akidah diri dan merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara staf dan pelajar UTeM serta warga luar.

T.Y.T. Tun, hadirin hadirat sekalian,

7. Hakikat Ramadhan sebagai hadiah daripada Maha Pencipta yang menjanjikan kebaikan dan harapan daripada Allah SWT, kepada hamba yang menagih rahmatNya saban tahun. Dalam meningkatkan usaha menggandakan nilai taqwa kepadaNYA, umat Islam diseru untuk tidak lupa menyemai semangat berkorban di jalan Allah, selain menjaga kebajikan dan kepentingan ummah.
  
8. Justeru itu, seramai 56 orang penerima sumbangan yang terdiri daripada pelajar UTeM yang kurang berkemampuan dan anak yatim, Anak Yatim dan miskin daripada Sekolah

Kebangsaan Belimbing Dalam Durian Tunggal, Anak Yatim dan Miskin di kalangan anak-anak staf UTeM yang kurang berkemampuan akan menerima sumbangan pada majlis hari ini. Semoga menerusi sumbangan yang diberikan ini dapat meringankan bebanan bagi menyambut Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi di samping dapat mengeratkan lagi hubungan sesama insan selain memupuk nilai kasih sayang, saling membantu dan hormat-menghormati demi mencapai keredhaan Allah.

9. Bagi pihak Pengurusan Universiti, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah sudi membantu

dan menghulurkan sumbangan terutamanya kepada **Tuan Yang Terutama Tun Canselor sendiri yang turut bersama-sama dalam menghulurkan sumbangan pada hari ini**, di samping sumbangan dari Tabung Amal Jariah UTeM, PUSPANITA, Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTeM) serta Koperasi UTeM.

10. Selain itu, suka saya kongsi di sini bahawa UTeM telah dilantik sebagai Amil Profesional oleh Pusat Zakat Melaka untuk tempoh dua tahun bermula 1 Jun 2015 sehingga 31 Mei 2017. Tambahan lagi, Majlis Agama Islam Melaka juga turut menyalurkan sumbangan sebanyak RM 10,000 setahun kepada Tabung Kebajikan Pelajar UTeM bagi membantu dan menyokong perkembangan akademik para pelajar yang kurang berkemampuan di universiti ini. Bagi pihak Universiti, saya

14

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Melaka khususnya Majlis Agama Islam Melaka di atas kepercayaan dan sokongan berterusan yang diberikan kepada Universiti ini.

TYT Tun, hadirin hadirat sekalian,

11. Dalam suasana keamanan dan kemakmuran kita di sini dalam melaksanakan ibadah dalam bulan Ramadhan ini, Negara kita telah dikejutkan dengan tragedi gempa bumi yang melanda Sabah pada 5 Jun 2015 yang lalu. Saya bagi pihak Universiti mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa dan berharap agar keluarga mangsa kekal tabah dan cekal dalam mengharungi dugaan ini.

12. Selain daripada kejadian yang berlaku di negara kita, kita turut bersimpati dengan penindasan dan penderitaan yang menimpa saudara kita, masyarakat Rohingya. Ramai daripada mereka telah menjadi mangsa kekejaman ini terutamanya golongan warga emas, wanita dan kanak-kanak yang tidak mempunyai daya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan dari Yang Maha Esa. Tiada apa yang mampu kita lakukan, selain berdoa dan berharap agar kekejaman ini akan segera berakhir.
  
13. Bagi mengurangkan penderitaan mereka, UTeM telah mewujudkan tabung khas Bantuan Umat Islam Rohingya dan hasil daripada kutipan tersebut akan diserahkan kepada pihak HALUAN Malaysia (*Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia*) untuk disampaikan kepada Umat Islam



Rohingya. Semoga melalui sumbangan kita yang tidak seberapa ini juga, akan memberi sedikit sinar untuk saudara-saudara seIslam yang menderita di sana.

### **C) PENUTUP**

T.Y.T. Tun, hadirin dan hadirat sekalian,

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dengan azam dan tekad untuk menjadikannya yang terbaik mungkin. Diharap kita semua dapat meningkatkan lagi amalan pada malam-malam Ramadhan terutamanya di malam 10 terakhir Ramadhan yang dijanjikan dengan Lailatul Qadar

dan seterusnya marilah kita sama-sama memohon doa agar berkat berpuasa yang kita lalui sepanjang Ramadan Al-Mubarak ini akan memantapkan lagi hubungan sesama kita, baik sebagai rakan sekerja, sahabat handai dan seterusnya sesama kita sebagai khalifah di atas muka bumi ini untuk bekerja bersama-sama memakmurkan bumi Allah dengan penuh keikhlasan. Insya-allah.

15. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Pusat Islam juga ahli-ahli jawatankuasanya di atas komitmen tinggi menyatu idea, menyempurnakan tugas bagi menzahir upacara seterusnya memastikan majlis terlaksana dengan lancarnya sepertimana yang dirancang awal.

Dahan bersilang berasap ungun,  
Tikar dicucuh sudahlah hitam;  
Ramadhan berulang setiap tahun,  
Sinar penyuluh ibadah malam;

Putih Biru Si Bunga Pekan,  
Cantik Merah Si Bunga Siantan;  
Suruhan Allah segera lakukan,  
Semoga hidup dapat keberkatan;

Tuan Yang Terutama Tun Canselor,

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor di atas kesudian hadir ke majlis ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor begitu besar ertinya buat kami semua.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.